



Pertunjuk dan Pimpinan Agama

Dalam suatu hadisnya, junjungan kita Nabi Muhamamd *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah menerangkan tentang “takwa”. Baginda bersabda:

Inni li a’rifu āyatan law anna al-nasa kulluhum akhdhū bihā lakafathum: Wa man yattaqi Allāha yaj’al lahu makhrājan wa yarzuqhu min haythu lā yahtasib. (Ahmad wa al-ḥakim wa al-Nasā’ī)

Ertinya: “Sesungguhnya aku mengetahui satu ayat, yang kalau manusia semua mengerjakannya nescaya cukuplah untuk mereka, iaitu (āyat suci yang maksudnya): “Barang siapa berbakti kepada Allah nescaya Allah adakan baginya tempat keluar dari kesusahan dan kesempitannya, dan diberikannya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka.”

Orang yang berbakti kepada Allah, dalam keadaan bagaimana juga, tetap ia mendapat kebaikan yang tidak di dapati oleh orang lain, sebagaimana diterangkan oleh Nabi Muhamamd *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* lagi:

‘Ajaban li amri al-mu’min inna amrahu (kāna lahu) kullahu lahu khayrun wa laysa dhalika li aḥadin illā lilmukmin: in aṣābathu sarrā’u shakara fakānat khayran lahu, wa an āṣābathu ḍarrā’u ṣabara fakānat khayrān lahu. (Ahmad wa Muslim).

Ertinya: “Ajaib bagi urusan orang Mukmin, bahawasanya urusannya adalah baik baginya, dan tidak didapati yang demikian itu oleh seseorang melainkan oleh orang Mukmin: Iaitu jika ia mendapat kesenangan nescaya ia berterima kasih, maka (itu) adalah baik baginya. Dan jika ia ditimpa kesusahan nescaya ia sabar, maka (itu juga) adalah baik baginya.”

Di atas dasar takwa atau bakti inilah Nabi-nabi memperjuangkan agama Allah, berhadapan dengan manusia, dengan tidak takut dan ngeri akan ancaman dan seksa yang dihadapkavn kepada mereka, sampai Nabi kita Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang kemudian diteruskan oleh sahabat-sahabatnya dan pengikut-pengikutnya yang setia, sehingga mereka mendapat kemenangan dan kedudukan yang terhormat, sedang musuh-musuhnya semuanya mendapat kekalahan, kehinaan dan kebinasaan.

Tetapi sesudah bakti itu luntur dari jiwa setengah-setengah pemeluk agama, maka mulailah berubah iman dan keyakinannya terhadap kebenaran agama Islam. Mereka ragu-ragu dan kurang percaya, dan kedudukannya pun berada pada tingkatan bawah dan rendah dari golongan lain.

Timbulnya keraguan-keraguan kepada kebenaran agama

¹ Dalam teks Qalam bertulis: *‘Ajaban li amri al-mu’min inna amrahu kāna lahu khayrun* sedangkan ayat sebenarnya ialah *‘Ajaban li amri al-mu’min inna amrahu kullahu lahu khayrun*

sendiri adalah disebabkan kerana mereka melihat orang lain dengan tidak memakai dasar agama berada dalam kemajuan dan kemuliaan, yang menjadikan dasar perjuangan dan fikirannya kepada kebendaan, lebih daripada pimpinan keagamaan.

Maka banyaklah anak muda-anak muda Islam (lelaki dan perempuan) tertarik ke sana, dengan alasan hendak bebas dengan sepenuhnya – “bebas berfikir” dan “bertindak dengan leluasanya”. Pada hal dunia barat sendiri telah mengakui dan mengalami, bahawa hidup semata-mata berdasar “faham kebendaan” itu menghilangkan budi dan kesopanan, dan tidak ada yang dimegahkan dan dibesarkan selain daripada enak makan minum dan tempat tinggal, sedang hidup mereka dalam kekhuatiran dan ketakutan, kerana telah rosak budi pekerti dan kesopanan.

Kepada anak muda Islam yang cinta kepada agamanya, ketahuilah, bahawa agama Islam diturunkan oleh Allah Ta’āla dengan nyata dan terbukti, telah dapat menghidupkan dunia timur dan memberi kedudukan tinggi dan terhormat. Agama Islam juga telah menyelamatkan dunia barat dari kegelapannya.

Bukankah orang barat sendiri mengakui bahawa peradapan² barat dan kemajuannya sekarang ini, ialah kutipan yang kecil dari peradapan Islam yang ditinggalkan di negeri Sepanyol oleh umat Islam pada zaman keemasannya dan kemegahannya.

Pendeknya dengan pertunjuk keagamaan (al-hidāyah al-dīniyyah) kita umat Islam dapat mencapai kemajuan

dan kemuliaan bahkan akan selamat terpelihara dari kejahatan.

(Dari buah kalam al-Ustadh Muhammad ‘Ali al-Ḥamīdī)



Dua pelajar dari Madrasah al-Khayriyah Kampung Pisang, Kupang Baling Kedah, bergambar dengan gurunya sebelum meninggalkan tanah air untuk melanjutkan pelajaran di Darul Uloom, Deoband, India. Mereka itu ialah saudara-saudara: Muhammad Yusuf Ismail Kedah (berdiri pertama dari kiri), dan Elias Chik Pahang (berdiri ketiga dari kiri). Berdiri di tengah-tengah ialah Ustaz Haji Abdul Rahman Majid (guru), manakala yang duduk ialah Ustaz Haji Sulaiman Ibrahim (Setiausaha Madrasah).

² Dieja sebagai peradapan, bukannya peradaban